

# PERTANDINGAN KEPENGUNAAN

b e r s e m p e n a



## HARI PENGGUNA M A L A Y S I A

# 2010

Khusus untuk

- Pelajar IPTA / Swasta / Institut Pendidikan Guru / Kolej
- Orang Awam dan Amatur



### Mengarang Esei Kepenggunaan

dua (2) pilihan bahasa untuk IPTA / Swasta  
dan Intitut Pendidikan Guru



### Melukis Poster untuk awam



### Fotografi untuk amatur

### Blog Pengguna untuk pelajar sekolah menengah dan IPT



### Melukis kartun untuk amatur



Sila hantarkan penyertaan anda sebelum **18 Jun 2010**  
Layari laman web **[www.mypengguna.com](http://www.mypengguna.com)**

**MENANGI HADIAH WANG TUNAI**

# RM150,000

Penaja Rasmi



## mengarang esei

- empat pilihan bahasa iaitu B. Malaysia, B. Inggeris, B. Tamil dan B. Mandarin untuk pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah
- 2 pilihan bahasa untuk guru, pensyarah dan pelajar IPT

## mewarna

- untuk kanak - kanak berumur 4 hingga 12 tahun

## kartun

- terbuka untuk orang awam (amatur) berumur 18 tahun ke atas

## buku skrap & folio

- terbuka kepada semua Kelab Pengguna Sekolah rendah dan menengah

## melukis poster

- untuk pelajar sekolah rendah
- untuk pelajar sekolah menengah
- untuk orang awam 18 tahun ke atas

## blog

- terbuka untuk pelajar sekolah menengah
- terbuka untuk pelajar IPT

## fotografi

- terbuka kepada orang awam (amatur)



# HPM 2010

TARIKH TUTUP  
18HB JUN 2010

\* Rebutlah peluang memenangi hadiah berjumlah **RM150,000**



Anugerah  
Penyertaan  
Terbanyak  
Peringkat  
Sekolah !!

PERTANDINGAN MEWARNA



SABTU &  
AHAD

\* hadiah wang tunai berjumlah **RM9,000** dan Piala Pusingan



Sekretariat PERTANDINGAN KEPENGGUNAAN HPM 2010

No 1D-1 Bangunan SKPPK, Jalan SS9A/17 Sungei Way 47300 Petaling Jaya, Selangor  
Tel: 03-7876 2009 Faks: 03-7877 1076 Emel: urusetia@mypengguna.com Web: www.mypengguna.com



# Pertandingan Mengarang Esei Pengguna

Terbuka untuk IPTA/Swasta,  
dan Institut Pendidikan Guru

## Kategori A : Bahasa Malaysia

• IPTA/Swasta dan Institut Pendidikan Guru

## Kategori B : Bahasa Inggeris

IPTA/ Swasta dan Institut Pendidikan Guru

### Topik Bahasa Malaysia

Pilih salah satu daripada topik yang berikut:-

- Penyalahgunaan kad kredit di Malaysia dan langkah mengatasinya.
- Pengurangan subsidi memerdekakan pengguna. Bahaskan kenyataan ini
- Teknologi hijau merupakan alternatif untuk mengurangkan kesan rumah hijau. Bincangkan.
- Kenaikan harga barang - sejauhmana pengguna menggunakan kuasanya.
- Sejauh manakah pelabelan produk di Malaysia membantu pengguna berbelanja dengan bijak dan bertimbang rasa terhadap alam sekitar? Bincangkan dengan memberi contoh-contoh.

### Topik Bahasa Inggeris

Please choose one (1) topic from the following:-

- Credit card usage in Malaysia and steps to overcome abuse of credit card facility.
- Elimination of subsidies frees consumers from depending on government to control prices of consumer products.
- Discuss green technology as means of reducing green house effects.
- How much control do consumers have on prices of consumer product? Discuss.
- Discuss and give examples. Product labeling in Malaysia will help consumers to spend wisely and contribute to environment protection.

## Hadiah - Bagi setiap Kategori

- |                       |                               |
|-----------------------|-------------------------------|
| • Hadiah Pertama      | RM 2,000 dan sijil penyertaan |
| • Hadiah Kedua        | RM 1,500 dan sijil penyertaan |
| • Hadiah Ketiga       | RM 1,000 dan sijil penyertaan |
| • 10 hadiah sagu hati | RM 100 dan sijil penyertaan   |

### PENYERTAAN

- Panjang esei tidak melebihi 2,500 patah perkataan.
- Esei hendaklah ditaip menggunakan tulisan "Arial 12 poin" dan langkau sebaris / menggunakan tulisan tangan yang jelas.
- Esei mestilah asli dan menggunakan olahan idea sendiri.
- Penyertaan esei boleh dihantar melalui emel di [urusetia@mypengguna.com](mailto:urusetia@mypengguna.com) atau pos.



# Pertandingan Blog Kepenggunaan

Terbuka untuk IPTA/Swasta,  
Institut Pendidikan Guru dan Kolej

## TEMA : HAK PENGGUNA

Terbahagi kepada 2 kategori:

- Kategori A : Sekolah Menengah
- Kategori B : IPTA / Swasta / Institut Pendidikan Guru / Kolej

Penggunaan tema hendaklah menyentuh 8 HAK PENGGUNA seperti :-

- a) Hak untuk mendapat keperluan asas
- b) Hak untuk mendapat keselamatan
- c) Hak untuk mendapat maklumat
- d) Hak untuk membuat pilihan
- e) Hak untuk mendapat ganti rugi
- f) Hak untuk menyuarakan pendapat
- g) Hak untuk mendapat pendidikan kepenggunaan
- h) Hak untuk mendapat alam sekitar yang sihat.

Maklumat untuk membina blog, sila layari

[www.kkk.org.my](http://www.kkk.org.my), [www.fomca.org.my](http://www.fomca.org.my), [www.switch.org.my](http://www.switch.org.my),  
[www.standardsusers.org](http://www.standardsusers.org), [www.nccc.org.my](http://www.nccc.org.my), [www.konsumerkini.net.my](http://www.konsumerkini.net.my)

## Hadiah - Bagi Kategori IPTA

- |                       |                               |
|-----------------------|-------------------------------|
| • Hadiah Pertama      | RM 2,000 dan sijil penyertaan |
| • Hadiah Kedua        | RM 1,500 dan sijil penyertaan |
| • Hadiah Ketiga       | RM 1,000 dan sijil penyertaan |
| • 10 hadiah sugu hati | RM 200 dan sijil penyertaan   |

## PENYERTAAN

- Blog hendaklah menggunakan Bahasa Malaysia sahaja. Sumber atau topik perbincangan boleh menggunakan dwi bahasa (Bahasa Malaysia & Bahasa Inggeris).
- Peserta blog hendaklah memuatkan maklumat terkini mengenai isu-isu kepenggunaan
- Blog mengambil kira kekerapan penyertaan/penglibatan daripada orang awam, kreativiti, menarik, penggunaan bahasa, jumlah pelawat dan kumpulan sasaran.
- Peserta blog boleh menghantar alamat blog penyertaan melalui emel kepada [urusetia@mypengguna.com](mailto:urusetia@mypengguna.com) bersama-sama dengan borang penyertaan pertandingan. Penghantaran maklumat melalui pos juga diterima.



# Pertandingan Kartun Pengguna

Terbuka kepada amatir sahaja

## TEMA : "Penggunaan Berhemat: Perubahan Bermula Dengan Saya"

Penggunaan tema boleh dikaitkan dengan kempen-kempen yang sedang FOMCA laksanakan seperti :-

- Subsidi dan Pengguna
- Hari Tidak Berbelanja
- Minggu Tidak Menonton Televisyen
- Kempen Kecekapan Tenaga
- Tanggungjawab sosial pengguna
- Keselamatan alat-alat permainan kanak-kanak

Maklumat mengenai kempen, sila layari [www.kkk.org.my](http://www.kkk.org.my), [www.fomca.org.my](http://www.fomca.org.my), [www.switch.org.my](http://www.switch.org.my), [www.standardsusers.org](http://www.standardsusers.org), [www.konsumerkini.net.my](http://www.konsumerkini.net.my), [www.crrc.org.my](http://www.crrc.org.my)

## Hadiah - Kategori Amatir sahaja

- |                       |                               |
|-----------------------|-------------------------------|
| • Hadiah Pertama      | RM 2,000 dan sijil penyertaan |
| • Hadiah Kedua        | RM 1,500 dan sijil penyertaan |
| • Hadiah Ketiga       | RM 1,000 dan sijil penyertaan |
| • 10 hadiah sagu hati | RM 200 dan sijil penyertaan   |

## PENYERTAAN

- Maksimum 3 penyertaan boleh dihantar. Hasil penyertaan menggunakan komputer boleh diterima pakai.
- Pemilihan permukaan dan penggunaan teknik adalah bebas.
- Lukisan kartun boleh dihasilkan secara satu bingkai (1 frame) atau lebih iaitu 2 hingga 3 bingkai.
- Ciptaan mestilah asli dan hasil daripada idea sendiri.
- Lukisan kartun adalah dalam saiz A3 atau 420 x 297mm.
- Lukisan kartun hendaklah disertakan dengan dialog, humor, menarik dan berkesan.
- Hasil karya akan digunakan oleh penganjur bagi tujuan promosi dan pendidikan seperti poster, cetakan risalah, buku dan laman web.
- Hasil karya tidak akan dikembalikan dan menjadi milik penganjur.



# Pertandingan Melukis Poster Pengguna

Terbuka kepada orang awam (18 tahun ke atas)

## Kategori

- Kategori A: 8 hingga 12 tahun
- Kategori B: 13 hingga 17 tahun
- Kategori C: 18 tahun ke atas

## Topik Poster 18 tahun ke atas

- Kempen Hari Tidak Berbelanja
- Kempen Minggu Tidak Menonton Televisyen
- Kempen Perubahan Bermula dengan Saya
- Kempen Kecekapan Tenaga

## Hadiah - Kategori C: 18 tahun ke atas

- |                       |                             |
|-----------------------|-----------------------------|
| • Hadiah Pertama      | RM 2,000 & sijil penyertaan |
| • Hadiah Kedua        | RM 1,500 & sijil penyertaan |
| • Hadiah Ketiga       | RM 1,000 & sijil penyertaan |
| • 10 hadiah sagu hati | RM 200 & sijil penyertaan   |

## PENYERTAAN

- Terbuka kepada semua warganegara Malaysia.
- Bebas menggunakan sebarang bahan pewarna.
- Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer tidak dibenarkan kecuali Kategori C sahaja.
- Lukisan dan idea poster mestilah hasil ciptaan sendiri.
- Ukuran poster yang dicadangkan adalah
  - i) saiz 37.5cm x 27cm / kertas blok lukisan (drawing block) bagi Kategori A.
  - ii) saiz A2 atau 420mm x 594mm bagi Kategori B dan Kategori C.



# Pertandingan Fotografi Pengguna

Terbuka kepada amatir sahaja.

## TEMA : "Penggunaan Berhemat: Perubahan Bermula Dengan Saya"

Pengguna menunjukkan kebijaksanaannya (wisdom) melakukan sesuatu perkara yang memberikan manfaat kepada diri sendiri, masyarakat, industri dan pihak berkuasa. Maksud "*Penggunaan Berhemat*" dalam konteks ini terbuka kepada interpretasi yang luas dalam kehidupan harian seperti persekitaran, penjimatan dan penggunaan tenaga, makanan, pengangkutan awam, respon masyarakat terhadap gaya pembelian barangan, keselamatan produk atau perkhidmatan dan lain-lain. Imej boleh dirakamkan secara perseorangan atau berkumpulan dan haruslah mencerminkan aktiviti, perbuatan dan keadaan (moment) yang menjurus kepada konsep "Perubahan Bermula Dengan Saya".

Maklumat mengenai kempen, sila layari [www.kkk.org.my](http://www.kkk.org.my), [www.fomca.org.my](http://www.fomca.org.my), [www.switch.org.my](http://www.switch.org.my)

## Hadiah - Kategori Amatir sahaja

- |                       |                             |
|-----------------------|-----------------------------|
| • Pertama             | RM 2,000 & sijil penyertaan |
| • Kedua               | RM 1,500 & sijil penyertaan |
| • Ketiga              | RM 1,000 & sijil penyertaan |
| • 10 hadiah sagu hati | RM 200 & sijil penyertaan   |

## PERTANDINGAN :

- Pertandingan terbuka kepada peserta amatir warganegara Malaysia.
- Peserta boleh menggunakan kamera digital (sekurang-kurangnya 4.3 megapixel) atau kamera analog (negatif filem). Untuk penggunaan kamera analog, *negative scan* boleh digunakan (sekurang-kurang resolusi 300 dpi). Imej yang diambil menggunakan telefon bimbit atau PDA tidak akan diterima. Saiz minimum fail imej 2 MB.
- Saiz gambar bercetak (print) adalah 8 in X 10 in (8R) tanpa bingkai. Kerja lekapan dan pembersihan di atas bod lekap tertakluk kepada inisiatif peserta sendiri
- Foto perlu dihasilkan secara cetakan tunggal (*single print*) sahaja. Karya yang dihantar hendaklah yang belum pernah menyertai mana-mana pertandingan fotografi. Pihak penganjur berhak mencetak dan menerbitkan sebarang karya peserta untuk tujuan publisiti atau promosi.
- Teknik mengambil gambar adalah bebas. Gambar digital "super-imposed" tidak akan diterima. Gambar komposit, gambar helah, atau apa sahaja imej digital atau manipulasi juga tidak akan diterima. Hanya tindakan merapikan imej seperti memotong, imbangan cahaya dan warna serta menghalusi dan menajamkan imej sahaja yang dibenarkan
- Gambar yang dihantar (*print*) hendaklah disertakan dengan CD dalam format JPEG / TIFF / BITMAP. Borang permohonan hendaklah diletakkan di belakang gambar tersebut
- Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan, tersilap hantar atau penyertaan yang hilang. Bukti penyertaan tidak diterima sebagai bukti penerimaan.

# Borang Penyertaan

KHUSUS PELAJAR IPTA / SWASTA,  
INSTITUT PENDIDIKAN GURU

Nama Penuh : \_\_\_\_\_  
(mengikut Kad Pengenalan / Sijil Kelahiran)

Umur : \_\_\_\_\_ Jantina : L / P Kategori : \_\_\_\_\_

No. Pengenalan / Sijil Kelahiran : \_\_\_\_\_

Tahap pendidikan : \_\_\_\_\_ Status pekerjaan : \_\_\_\_\_

Alamat (Rumah) : \_\_\_\_\_

Alamat (Universiti / Kolej / Pejabat) : \_\_\_\_\_

Kursus: \_\_\_\_\_

Tel.: (Rumah / T.B.) : \_\_\_\_\_ Tel.: (Pejabat) : \_\_\_\_\_

Nama Penjaga : \_\_\_\_\_

No. telefon untuk dihubungi : \_\_\_\_\_

Email : \_\_\_\_\_

Penyertaaan Pertandingan :  Kartun  Esei  Poster  
 Buku Skrap/Folio  Fotografi  Blog

Tajuk yang dipilih ialah: \_\_\_\_\_

Dengan ini saya mengesahkan bahawa kartun / esei / poster / folio / buku skrap / fotografi / blog yang disertakan ini adalah karya asal saya dan saya bersetuju dengan semua syarat pertandingan ini.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_

# Borang Penyertaan

## AWAM DAN AMATUR

Nama Penuh : \_\_\_\_\_  
(mengikut Kad Pengenalan / Sijil Kelahiran)

Umur : \_\_\_\_\_ Jantina : L / P Kategori : \_\_\_\_\_

No. Pengenalan / Sijil Kelahiran : \_\_\_\_\_

Tahap pendidikan : \_\_\_\_\_ Status pekerjaan : \_\_\_\_\_

Alamat (Rumah) : \_\_\_\_\_

Alamat (Universiti / Kolej / Pejabat) : \_\_\_\_\_

Tel.: (Rumah / T.B.) : \_\_\_\_\_ Tel.: (Pejabat) : \_\_\_\_\_

Nama Penjaga : \_\_\_\_\_

No. telefon untuk dihubungi : \_\_\_\_\_

Email : \_\_\_\_\_

Penyertaan Pertandingan :  Kartun  Esei  Poster  
 Buku Skrap/Folio  Fotografi  Blog

Tajuk yang dipilih ialah: \_\_\_\_\_

Dengan ini saya mengesahkan bahawa kartun / esei / poster / folio / buku skrap / fotografi / blog yang disertakan ini adalah karya asal saya dan saya bersetuju dengan semua syarat pertandingan ini.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_

# Kempen Konsumer Kebangsaan 2008 - 2012



Pada 6 Mei 2008, empat buah organisasi peringkat kebangsaan Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO), Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan Majlis Belia Malaysia (MBM) telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) untuk menganjurkan Kempen Konsumer Kebangsaan, selama 4 tahun, iaitu dari 2008 hingga 2012. Kempen yang dikenali sebagai "Kempen 3K" (Kempen Konsumer Kebangsaan) ini turut disertai oleh PETRONAS pada 1 Januari 2009.

Kempen ini diadakan sejajar dengan krisis ekonomi sejagat, yang telah memberikan kesan negatif terhadap gaya hidup pengguna di Malaysia.

- Peningkatan harga bahan makanan
- Harga petroleum yang sentiasa berubah-ubah.
- Cuaca yang tidak menentu.
- Krisis kekurangan bekalan air.
- Krisis kewangan.

Persoalannya, bagaimanakah para pengguna di Malaysia menghadapi situasi ini?

Segelintir penduduk berasa marah dan menuding jari ke arah kerajaan, atau kepada pihak pengeluar minyak atau orang tengah yang bersikap tamak.

Ada pula yang menginginkan kerajaan untuk menambah subsidi supaya mereka dapat menikmati kehidupan mereka seperti sediakala.

Namun hakikatnya, faktor-faktor ini sebenarnya di luar kawalan kerajaan.

Oleh kerana masyarakat Malaysia terlalu leka dengan kehidupan yang selesa, maka sukar bagi mereka untuk menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan yang baru ini.

Lantaran itu, daripada bersikap mengharap pihak lain untuk menyelesaikan masalah ini, maka pendekatan terbaik sebagai jalan keluar ialah dengan mengubah gaya hidup dan tingkah laku masing-masing.

Kita perlu menilai serta dapat membezakan antara keperluan dan kehendak. Dalam masa yang sama membekalkan diri dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran baru untuk menangani situasi ini dan bersedia untuk membuat sebarang perubahan.

Lebih penting lagi, kita harus membuat anjakan minda sejajar dengan senario isu kepenggunaan global ini. Untuk menghadapi cabaran ini, kita perlu mengambil berat tentang tanggungjawab kita. Kita perlu mempelajari untuk mengurus dan merancang kewangan. Kesimpulannya, masyarakat Malaysia perlulah berfikir lebih terbuka terhadap penggunaan yang berhemat.

Kempen Konsumer Kebangsaan bertujuan untuk menggalakkan pengguna menyahut cabaran ini ke arah penggunaan berhemat. Tema untuk kempen ini adalah "Perubahan Bermula Dengan Saya"

layari [www.kkk.org.my](http://www.kkk.org.my)  
dan ketahui lebih banyak lagi!

KEMPEN KONSUMER KEBANGSAAN 2008 - 2012

**3K**



Perubahan  
Dengan

Bermula  
Saya

# Syarat Pertandingan

- a) Hasil karya akan digunakan oleh penganjur bagi tujuan promosi dan pendidikan seperti poster, cetakan risalah, buku dan laman web.
- b) Semua penyertaan hendaklah disertakan dengan borang penyertaan yang lengkap.
- c) Semua peserta akan menerima sijil penyertaan.
- d) Peserta hendaklah menulis jenis kategori pada sebelah kanan di bahagian atas sampul surat semasa mengirimi penyertaan.
- e) Pihak penganjur berhak menolak penyertaan yang tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- f) Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab jika penyertaan yang dihantar rosak atau hilang semasa pengiriman melalui pos.
- g) Semua penyertaan hendaklah dihantar kepada pihak penganjur pada atau sebelum 18 Jun 2010.
- h) Warga FOMCA serta ahli keluarga terdekat tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini.
- i) Para peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan tetapi hanya berhak menerima satu hadiah sahaja.
- j) Keputusan panel hakim adalah muktamad.
- k) Semua penyertaan yang dihantar adalah hak milik penganjur.



Alamatkan penyertaan kepada:

Urusetia Program Hari Pengguna Malaysia 2010  
No 1D-1, Bangunan SKPPK, Jalan SS 9A/17  
Sungai Way, 47300 Petaling Jaya, Selangor  
Tel : 03-7876 2009 / 7875 6362 / 7875 6370  
Faks : 03-7877 1076  
E-mel : [urusetia@mypengguna.com](mailto:urusetia@mypengguna.com)  
Laman web : [www.mypengguna.com](http://www.mypengguna.com)



**KEMPEN KONSUMER  
KEBANGSAAN  
(2008-2012)**

*Perubahan Bermula  
Dengan Saya*